

Objek Mutlak (*al-Maf'ul al-Mutlak*) dalam al-Qur'an: Analisis Kaedah Terjemahan Makna al-Quran ke Bahasa Melayu

Nasimah binti Haji Abdullah*

Abstrak

Terdapat beberapa peraturan sintaksis bahasa Arab yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu ekoran rumpun bahasa dan peraturan penggunaan bahasa yang berbeza. Sebagai contoh, setiap kata kerja Arab yang diletak dalam konteks ayat akan dikaitkan dengan perkataan yang hadir selepasnya. Perkataan ini dipanggil objek mutlak (*al-maf'ul al-mutlak*). Antara fungsinya ialah menguatkan kata kerja sebelumnya, menerangkan jenis kata kerja sebelumnya dan juga bilangannya. Hal ini boleh menimbulkan kekeliruan ketika menterjemah teks bahasa Arab ke bahasa Melayu kerana hukum tatabahasa Arab yang begitu kompleks yang mengaitkan setiap perkataan dengan perkataan lain dalam konteks ayat. Dalam usaha menyampaikan makna ayat al-Quran kepada masyarakat Melayu yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Arab dan tidak memahaminya, para penterjemah menggunakan pelbagai kaedah terjemahan. Makalah ini bertujuan meneliti kaedah terjemahan yang terdapat dalam terjemahan ayat al-Quran yang mengandungi *al-maf'ul al-mutlak*. Teks terjemahan yang dikaji adalah terjemahan yang dilakukan oleh Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan analisis teks yang dihurai secara deskriptif dan perbandingan dengan memilih beberapa ayat al-Qur'an yang

* Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Bangi, Selangor.
Emel: nasimah@kuis.edu.my

mengandung *al-maf'ul al-mutlak*. Berdasarkan sembilan (9) data yang dianalisa, terdapat tiga (3) kaedah atau strategi yang diguna oleh para penterjemah untuk menghuraikan fungsi *al-maf'ul al-mutlak* iaitu i) penggunaan kata sendi “dengan”, ii) penggunaan strategi deskriptif dan iii) penjelasan secara perumpamaan. Rumusannya, ketiga-tiga kaedah tersebut mampu menghasilkan makna yang dimaksudkan oleh konsep *maf'ul mutlak*.

Kata kunci: Terjemahan al-Qur'an, Kaedah terjemahan, *maf'ul mutlak*.

Abstract

There are several rules of Arabic language syntax which are not available in Malay language due to divergent language groups and different language usage rules. For example, every Arabic verb placed in a sentence context will be associated with the following present word. This word is called *al-maf'ul al-mutlak*. Among its functions is to reinforce the previous verb, describing the type of the previous verb and also its total. It can pose confusion when translating Arabic text to Malay because of the so complex Arabic grammar that links each word with other words in the context of the sentence. In order to convey the meaning of the Qur'anic verses to the Malays who neither speak nor understand Arabic, translators use various translation methods. This paper aims to examine the translation methods used in the translation of the Holy Qur'an verses that contain *al-maf'ul al-mutlak*. The text studied is the translated text by Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih and

Zaini Dahlan. This study is a qualitative study and text analysis which is descriptive and comparative by selecting several Qur'anic verses containing *al-maf'ul al-mutlak*. Based on Nine (9) data analyzed, there are three (3) methods or strategies used by the translators to elaborate the functions of *al-maf'ul al-mutlak*, i.e. i) the use of preposition word "with" ii) the use of descriptive strategies and iii) an explanation by using an analogy. As such, these three methods are able to produce the meanings that are meant by *al-maf'ul al-mutlak* concept.

Keywords: translation of the Holy Qur'an, the translation method, *Al-Maf'ul Al-Mutlak*.

Latar belakang Kajian

Perkataan “terjemahan” adalah kata pinjaman yang berasal daripada bahasa Arab iaitu (ترجمة). Para sarjana memberikan pelbagai pengertian terhadap perkataan tersebut sama ada dari segi bahasa atau istilah. *Ibnu Manzur* (1994, 12: 66) mendefinisikannya sebagai pentafsiran ataupun penerangan dengan menggunakan bahasa lain, atau memindahkan perkataan daripada satu bahasa kepada bahasa lain. Manakala, para sarjana bidang pengajian terjemahan di dunia Barat pula mengemukakan pelbagai definisi kepada perkataan “terjemahan” ekoran pendekatan terjemahan yang pelbagai, mazhab terjemahan yang barlainan dan perspektif yang tidak sama tentang konsep makna dalam pemindahan makna dalam terjemahan (Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman dan Abur Hamdi Usman, 2019: 155). Namun,

secara mudahnya terjemahan adalah pemindahan sesuatu daripada suatu bahasa kepada bahasa yang lain (Anon, 2015: 1670).

Perbezaan bahasa akan menimbulkan kelainan aspek linguistik, sosiobudaya, sejarah dan seumpamanya yang menyebabkan kerja terjemahan biasanya terbatas. Terjemahan yang baik ialah apabila mesej yang diterjemahkan itu mudah difahami oleh pembaca sasaran dan tidak menimbulkan kekeliruan serta ketaksaaan makna kepada pembaca sasaran (Lubna Abd. Rahman dan Nasimah Abdullah, 2019). Salah satu isu yang sering timbul dalam terjemahan ialah perbezaan peraturan sintaksis antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Sebagai contoh konsep *al-maf'ul al-mutlak* dalam bahasa Arab tidak terdapat dalam peraturan sintaksis Melayu. Istilah *al-maf'ul al-mutlak* dikenali sebagai objek mutlak dalam bahasa Melayu atau *absolute accusive* dalam bahasa Inggeris.

Konsep *al-maf'ul al-mutlak* dianggap asas kepada segala *al-Maf'ul*, malah paling banyak digunakan dalam sintaksis Arab (Muhammad Ahmad Khudhayr, 2003: 32-40. Apa yang pasti, *al-maf'ul al-mutlak* yang ada dalam al-Quran mempunyai dimensi keunggulan dalam pembentukan elemen-elemen kemukjizatan linguistik al-Quran (*al-I'jaz al-Lughawiy*) kerana bahasa Arab yang digunakan dalam al-Quran memiliki keistimewaan tersendiri yang jauh berbeza dengan bahasa Arab yang digunakan dalam karya manusia (Bambang Muhamad Rafadi Yusoff dan Saini Ag Damit, 2014: 283). Ini berlainan sama sekali dengan teks terjemahan al-Quran yang tidak memiliki status seperti al-

Quran malah hanya dianggap sebagai tafsir semata-mata (Akmal Khuzairy Abd Rahman, 2016: 19). Dalam usaha membuat pentafsiran, penterjemah akan memilih sesuatu kaedah atau strategi dengan tujuan memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca sasaran terhadap makna al-Quran. Antara faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah terjemahan oleh penterjemah adalah perbezaan unsur linguistik antara Arab dan Melayu.

Sebenarnya, perkembangan tentang terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu sangat membanggakan kerana banyak usaha telah digembelengkan oleh pelbagai pihak sama ada oleh individu atau pun secara kolektif atau melalui badan dan institusi bukan kerajaan dan kerajaan sendiri. Antara terjemahan al-Quran yang diusahakan oleh individu adalah Mahmud Yunus (2008) iaitu "Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani", Abdullah Basmeih (2010) iaitu "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an" dan Zaini Dahlan (1999) iaitu "Qur'an Karim dan Terjemahan Artinya". Manakala, terjemahan al-Quran yang diusahakan oleh institusi atau badan bukan kerajaan adalah seperti Yayasan Restu (2011) iaitu "al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan", al-Hidayah House of al-Quran (2017) iaitu "Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu" dan Karya Bestari (2014) iaitu "al-Quran al-Karim Resam Uthmani Bahasa Melayu".

Masyarakat Melayu yang tidak ada latar belakang pengetahuan dalam bahasa Arab sudah pasti akan merujuk kepada terjemahan makna al-Quran dalam bahasa Melayu untuk memahami isi kandungan al-Quran. Menurut Nasimah

Abdullah (2017: 73), antara perkara yang perlu dititikberatkan dalam isu terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu adalah tahap kebolehbacaan teks terjemahan. Hal ini kerana kesesuaian pemilihan leksikal, frasa, ayat atau penanda wacana boleh menjurus kepada memahami maksud al-Quran secara keseluruhannya atau paling kurang boleh memindahkan sebahagian mesej yang dimaksudkan oleh al-Quran. Oleh itu, ketepatan leksikal, frasa, ayat atau penanda wacana yang digunakan dalam teks terjemahan al-Quran amat penting dalam memastikan komunikasi berkesan berlaku terhadap pembaca sasaran.

Permasalahan Kajian

Bahasa Arab dan bahasa Melayu adalah daripada kelompok bahasa yang berbeza. Berdasarkan kepada pengkajian linguistik Barat, bahasa Arab adalah daripada bahasa Samiyyah (*semitic*) (Abd Rauf, 2004; Che Radiah Mezah: 2001: 70), dan ini berbeza dengan pandangan Anwar al-Jundi (1982: 22-23) yang mengatakan bahawa bahasa tersebut mempunyai hubungan dan persamaan dengan bahasa serumpun dengannya yang dituturkan oleh orang *Ibri, Finiqi, Asyuri, Baabali dan Habasyi* sebelum kedatangan Islam. Bahasa Melayu pula tergolong ke dalam cabang nusantara dalam keluarga Austronesia (Nik Safiah Karim et al.: 2015: 3).

Bahasa Arab adalah bahasa infleksi selain daripada menitikberatkan gender dan kala, manakala bahasa Melayu pula adalah bahasa aglutinatif yang tidak menitikberatkan gender dan kala. Sintaksis bahasa Melayu hanya mempunyai

satu jenis ayat dasar iaitu ayat kata nama yang terdiri secara asasnya daripada subjek dan predikat. Subjek hanya terdiri daripada frasa nama, manakala predikat pula boleh terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau frasa sendi nama (Nik Safiah Karim et al.: 2015: 342, 344-345). Keadaan ini amat berbeza sama sekali dengan sintaksis bahasa Arab yang mempunyai dua (2) jenis ayat dasar, iaitu ayat kata kerja (الجملة الفعلية) dan ayat kata nama (الجملة الاسمية) (Maghaalassah, 19: 1991). Perbezaan ayat dasar antara bahasa Melayu dan bahasa Arab tersebut telah menyumbang kepada wujudnya beberapa struktur binaan atau konstruksi ayat yang tidak sama antara dua bahasa tersebut.

Catford (1965) menjelaskan bahawa kerja terjemahan menjadi mustahil jika fungsi sesuatu situasi dalam makna konteks teks sumber tiada padanannya dalam bahasa sasaran. Oleh itu penterjemahan daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu atau sebaliknya pasti menemui beberapa kesukaran kerana penterjemahan ialah proses pemindahan bahasa yang melibatkan struktur morfologi, struktur sintaksis, unsur semantik dan keperihalan keadaan atau konteks. Antara unsur sintaksis Arab yang tidak terdapat dalam unsur sintaksis Melayu adalah objek mutlak (*al-maf'ul al-mutlak*). Hal ini boleh menimbulkan kekeliruan ketika menterjemah teks Arab ke bahasa Melayu kerana hukum tatabahasa Arab yang begitu kompleks yang mengaitkan setiap perkataan dengan perkataan lain dalam konteks ayat. Justeru, antara solusi dalam kerja terjemahan *al-maf'ul al-mutlak* ke bahasa Melayu adalah penggunaan kata tambahan untuk melengkapkan makna.

Al-maf'ul al-mutlak merujuk kepada setiap kata kerja atau kata nama yang diletak dalam konteks ayat yang dikaitkan dengan perkataan yang hadir selepasnya. *Al-Maf'ul al-mutlak* ini adalah dari kategori akusatif (*al-mansubat*) dan merupakan pecahan kata fungsian lebihan (*fadlah*) yang wujud dalam tatabahasa Arab yang memberi tambahan makna kepada ayat utama (Muhammad Wali, 1994: 297; Maghaalalah, 1991: 22). *Al-Maf'ul al-mutlak* adalah kata nama berkasis akusatif (*mansub*) yang terdiri daripada kata nama terbitan (*masdar*) atau gantinya (al-Rajihi, 1988: 227). Ia dinamakan sedemikian kerana tidak bergantung kepada kata sendi (*huruf al-Jar*) seperti *al-mafa'il* (المفاعيل) yang lain (al-Kawari, 2008) seperti *al-maf'ul bih* (المفعول به), *al-maf'ul li ajlih* (المفعول لأجله), *al-maf'ul fih* (المفعول فيه) dan *al-maf'ul ma'ah* (المفعول معه).

Fungsi *al-maf'ul al-mutlak* terbahagi kepada tiga (3), iaitu seperti berikut: (Yaakob, 642: 1994)

a) menguatkan atau menegaskan kata kerja sebelumnya, seperti (أحسن إلى الوالدين إحساناً). Frasa (إحساناً) adalah *al-maf'ul al-mutlak* yang menguatkan kata kerja sebelumnya iaitu (أحسن).

b) atau menerangkan jenis kata kerja sebelumnya, seperti (أقَدَّر الأصدقاء تقديراً عظيماً). Frasa (تقديراً عظيماً) adalah *al-*

maf'ul al-mutlak yang berfungsi menerangkan jenis kata kerja sebelumnya iaitu (أقدر).

c) atau menerangkan bilangan kata kerja sebelumnya, seperti (دار اللاعب حول الملعب ثلاث دورات). Frasa (دورات) adalah *al-maf'ulal-mutlak* yang menerangkan bilangan kata kerja sebelumnya iaitu (دار).

Tinjauan Literatur

Antara kajian terdahulu yang membincangkan objek mutlak (*al-maf'ul al-mutlak*) yang terdapat dalam al-Quran adalah kajian Bambang Muhamad Rafadi Yusoff dan Saini Ag Damit (2014) yang bertajuk “Analisis *al-Maf'ul al-Mutlaq* dalam Surah-surah *al-Mufassal*: Satu Kajian Kemukjizatan Linguistik al-Quran”. Kajian ini memilih surah-surah *al-Mufassal* iaitu surah ke 50 hingga 114 daripada al-Quran sebagai korpus kajian.

Antara objektif kajian ini adalah menghuraikan elemen-elemen *al-maf'ul al-mutlak* dalam surah-surah *al-Mufassal* tersebut bagi menjelaskan pengaruh aspek linguistik dalam pembentukan elemen-elemen kemukjizatan al-Quran al-Karim. Kajian ini mendapati kemukjizatan linguistik al-Quran bukan sahaja terletak pada keunggulan retorika dan seni sasteranya, malah juga bermula daripada keunggulan pembentukan sistem sintaksisnya dan morfologinya. Antara sistem sintaksis berkaitan adalah elemen-elemen *al-maf'ul al-mutlak*. Namun kajian tentang elemen *al-maf'ul al-mutlak* ini memberi fokus kepada dimensi kemukjizatan linguistik

al-Quran tanpa menyentuh tentang kaedah terjemahan *al-maf'ul al-mutlak*.

Secara umumnya, kajian berkaitan kaedah atau cara terjemahan *al-maf'ul al-mutlak* ke bahasa Melayu tidak banyak. Antara kajian terdahulu yang membincangkan isu ini adalah kajian Ab. Halim Mohamad, Wan Muhammad Wan Sulong dan Muhd Zulkifli Ismail (2012) yang bertajuk “Kesalahan Penterjemahan Struktur Ayat Arab ke dalam bahasa Melayu: Satu Kajian Kes” yang mengutarakan hanya dua (2) contoh struktur ayat Arab yang mengandungi objek mutlak (*al-maf'ul al-mutlak*) iaitu (جلسْتُ جلوسَ العلماء) dan (أفرحُ كلَّ الفرح).

Kajian ini mencadangkan agar dua (2) contoh tersebut diterjemahkan kepada (Saya telah duduk sebagaimana duduknya para ulama) dan (Saya sangat gembira) kerana kehadiran *al-maf'ul al-mutlak* iaitu (جلسْتُ العلماء) dan (كلَّ) (أفرحُ) di sini bertujuan menerangkan jenis kata kerja sebelumnya iaitu (جلسْتُ) dan (أفرحُ). Kajian ini hanya menganalisis kesilapan pelajar dalam menterjemah beberapa struktur sintaksis Arab ke dalam bahasa Melayu, dan antaranya objek mutlak (*al-maf'ul al-mutlak*) serta mencadangkan contoh terjemahan betul sebagai ganti kepada terjemahan yang salah tanpa memberi huraian tentang kaedah atau strategi tertentu.

Jika dilihat dengan lebih dekat kepada cadangan terjemahan oleh para penulis tersebut, didapati bahawa contoh yang pertama menggunakan perkataan “sebagaimana” sebagai satu kaedah menerangkan jenis kata kerja sebelumnya iaitu (duduk). Menurut Kamus Dewan (2015: 102), perkataan “sebagaimana” bermaksud “seperti, sama halnya dengan dan seperti mana”. Manakala, contoh yang kedua menambah perkataan “sangat” sebagai satu kaedah menerangkan jenis kata kerja sebelumnya iaitu (gembira). Menurut Kamus Dewan (2015: 1385), perkataan “sangat” bermaksud “terlalu, terlampau”.

Selain itu terdapat kajian lain yang menekankan keperluan memahami pola akusatif (*al-mansubat*) Arab dalam kerja terjemahan Arab-Melayu kerana sebahagian pola adalah setara dan sebahagian lagi tidak setara dengan sintaksis bahasa Melayu. Kajian tersebut bertajuk “Sorotan Awal Terjemahan Pola *Mansubat* Arab Dalam bahasa Melayu” yang ditulis oleh Nur Hafizah Ahmad Tajuddin, Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub dan Azman Che Mat (2012). Kajian tersebut mengutarakan beberapa kaedah dalam terjemahan pola *al-mansubat* (المنصوبات) yang tidak setara dengan konsep sintaksis bahasa Melayu iaitu strategi deskriptif, strategi padanan fungsian, tambahan kata-kata, transliterasi, tambahan nota kaki dan gabungan mana-mana strategi secara serentak.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, penulis berpandangan perlu ada kajian lanjut untuk meneliti kaedah terjemahan yang terdapat dalam terjemahan ayat al-Quran ke bahasa

Melayu yang mengandungi objek mutlak (*al-maf'ul al-mutlak*).

Metodologi Kajian

Kajian ini ialah kajian kepustakaan dan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengumpul dan menganalisis data. Pendekatan kualitatif bermaksud kajian yang cenderung kepada metode pengumpulan data melalui pemerhatian ataupun penganalisaan kandungan dokumen (Ahmad Sunawari Long, 2016: 36). Pendekatan kualitatif dalam kajian ini menjurus kepada analisis teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu yang dihurai secara deskriptif. Kajian ini tertumpu kepada terjemahan objek mutlak (*al-maf'ul al-mutlak*) dalam al-Quran. *Al-maf'ul al-mutlak* tersebut dianalisa daripada terjemahan ayat-ayat al-Quran terpilih dalam teks yang dikaji untuk melihat kaedah dan pendekatan terjemahan yang diguna oleh para penterjemah dalam menghasilkan makna yang dimaksudkan oleh konsep *al-maf'ul al-mutlak*.

Kajian ini menggunakan kaedah pemadanan ayat al-Qur'an dengan tiga (3) data bandingan. Korpus kajian adalah teks al-Quran yang diterjemahkan oleh Abdullah Basmeih (2010) iaitu *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, Mahmud Yunus (2008) iaitu *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*, dan Zaini Dahlan iaitu *Qur'an Karim dan Terjemahan Artinya* (1999). Justifikasi pemilihan ketiga-tiga korpus tersebut adalah kerana terjemahan tersebut dihasilkan sekitar kurun ke-20 dan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat sama ada Malaysia atau Indonesia. Selain itu,

terjemahan tersebut adalah hasil usaha individu yang boleh memperlihatkan dinamika terjemahan itu sendiri yang memungkinkan pelbagai pendekatan dan hasil.

Data korpus kajian dikumpul dan dipilih secara persampelan berasaskan tujuan iaitu pemilihan sampel kajian berdasarkan ciri-ciri yang dikehendaki oleh penulis yang sesuai dengan objektif kajian (Ahmad Sunawari Long, 2016: 86). Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya memilih sembilan (9) ayat al-Quran yang mengandungi *al-maf'ul al-mutlak* sebagai sampel kajian iaitu ayat 4, 12, 26, 58, dan 111 daripada surah *al-Isra'*, ayat 4 surah *al-Waqiah*, ayat 8 surah *al-Tahrim*, ayat 20 surah Muhammad dan ayat 14 surah *al-Haaqqah*. Kesemua ayat al-Quran tersebut adalah berdasarkan pentafsiran ulama tafsir yang muktabar seperti *al-Nuhhas*, *al-Alusi*, *al-Zamakhshari*, *al-Nasafiy*, *Ibn 'Asyūr*, selain berpandukan kepada kitab *I'rab al-Quran* oleh Muhyidin ibn Ahmad Mustafa Darwish.

Bagi memudahkan analisis, data ayat al-Quran dan terjemahannya ditunjukkan dalam jadual bagi memudahkan penerangan, penjelasan dan perbandingan. Data yang mengandungi *al-maf'ul al-mutlak* dan terjemahannya akan dihitamkan. Penulis juga menggunakan akronim dalam bahagian analisa dan dapatan kajian iaitu TAB bagi Terjemahan Abdullah Basmeih, TMY bagi Terjemahan Mahmud Yunus dan TZD bagi Terjemahan Zaini Dahlan.

Analisa dan dapatan kajian

Untuk mencapai objektif kajian ini, penulis membahagikan analisa ini kepada tiga (3) bahagian berdasarkan jenis fungsi yang ada pada *al-maf'ul al-mutlak*. Bahagian tersebut adalah seperti berikut:

a) *al-maf'ul al-mutlak* dengan fungsi menguatkan kata kerja sebelumnya.

Contoh 1:

قوله تعالى: ﴿وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَاتَيْنِ ۖ فَمَحَوْنَا آيَةَ اللَّيْلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ النَّهَارِ مُبْصِرَةً ۖ لِّيَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابِ ۚ وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا﴾ (الإسراء: ١٢)

Ayat yang mengandungi *al-maf'ul al-mutlak*:

(وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا)

Jadual 1: Surah *al-Isra'* Ayat 12

Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Zaini Dahlan
Dan Kami adakan siang dan malam menjadi dua ayat (tanda	Dan Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan	Kami jadikan malam dan siang dua tanda

kekuasaan Allah), lalu Kami menghapuskan (cahaya) ayat malam dan Kami adakan siang untuk menerangi, supaya kamu mencari kurnia (rezeki) dari Tuhanmu dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan. Tiap-tiap sesuatu Kami terangkan dengan seterang-terangnya.	kekuasaan Kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap gelita), dan Kami jadikan tanda siang itu terang benderang supaya kamu mudah mencari rezeki dari limpah kurnia Tuhan kamu, dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari); dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu perlukan untuk dunia dan ugama kamu), Kami telah menerangkannya satu persatu (dalam Al-Quran)	kekuasaan Kami. Kami hapus tanda malam, dan muncul tanda siang yang jelas tampak, agar kamu mencari karunia Tuhanmu, dan agar kamu tahu bilangan tahun serta perhitungan, Segala sesuatu Kami terangkan dengan jelas.
---	--	---

	dengan sejelas-jelasnya.	
--	---------------------------------	--

Menurut *al-Alusi* (1415H: 8: 30), perkataan (تَفْصِيلًا) yang terdapat pada ayat (وَكُلُّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا) adalah *al-masdar* dan ia merupakan *al-maf'ul mutlak* daripada fungsi menguatkan atau menegaskan kata kerja sebelumnya. Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 1775), kata kerja (فَصَّلْنَاهُ) bermaksud “menjelaskan”. Perkataan “menjelaskan” adalah sinonim dengan “menerangkan, menghuraikan dan menyatakan” (Kamus Dewan, 2015: 619).

Daripada Jadual 1 di atas, dapat diperhatikan bahawa ketiga-tiga penterjemah cuba menjelaskan fungsi *al-maf'ul al-mutlak* yang terdapat dalam bahasa sumber dengan mengguna kata sendi “dengan”. Cuma Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih menggabungkan penggunaan kata sendi “dengan” dengan kata ganda. Kata ganda ialah bentuk yang dihasilkan melalui proses mengulangi kata dasar secara penggandaan penuh (Nik Safiah Karim et al.: 2015: 55 & 76). Ini berbeza sama sekali dengan Zaini Dahlan yang tidak menggunakan kata ganda dengan sekadar menterjemahkan ayat (وَكُلُّ شَيْءٍ فَصَّلْنَاهُ تَفْصِيلًا) kepada “...Segala sesuatu Kami terangkan dengan jelas”. Ini bermakna beliau memilih bentuk perkataan yang berlainan iaitu (jelas) untuk menegaskan kata kerja (terangkan).

Mahmud Yunus menterjemahkan ayat (فَصَّلْنَاْهُ) وَكُلَّ شَيْءٍ kepada "...Tiap-tiap sesuatu Kami terangkan dengan seterang-terangnya". Beliau menggabungkan penggunaan kata sendi "dengan" dengan kata ganda iaitu "dengan seterang-terangnya" untuk menguatkan kata kerja sebelumnya iaitu "terangkan". Ini bermakna beliau memilih bentuk perkataan yang sama. Ini berbeza dengan Abdullah Basmeih yang menterjemahkan ayat tersebut kepada "...Kami telah menerangkannya satu persatu (dalam al-Quran) dengan sejelas-jelasnya". Ini menunjukkan beliau memilih bentuk perkataan berlainan iaitu (sejelas-jelasnya) untuk menegaskan kata kerja (menerangkannya).

Ringkasnya, Mahmud Yunus menggunakan frasa "dengan seterang-terangnya" dan Abdullah Basmeih "dengan sejelas-jelasnya" untuk menterjemahkan *al-maf'ul al-mutlak* (تَفْصِيْلًا). Ini berbeza sama sekali dengan cara terjemahan Zaini Dahlan yang kelihatan lebih ekonomis dengan sekadar mengguna frasa "dengan jelas" untuk menghuraikan fungsi *maf'ul mutlak* dalam bahasa sumber.

Contoh 2:

قوله تعالى: ﴿وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تَبْذُرْ

تَبْذِيرًا﴾ (الإسراء: ٢٦)

Ayat yang mengandungi *al-maf'ul al-mutlak*: (وَلَا تَبْذُرْ تَبْذِيرًا)

Jadual 2: Surah al-Isra' Ayat 26

Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Zaini Dahlan
Dan berikanlah kepada kaum kerabat haknya masing-masing dan kepada orang miskin dan musafir dan jangan engkau membazir (pemboros) dengan pembaziran yang besar.	Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau.	Berikan hak kaum keluarga, kaum miskin, dan yang terlantar dalam perjalanan. Jangan kamu hamburkan hartamu secara boros.

Menurut *Darwish* (1415H: 5: 425), perkataan (تَبَذَّرَ) yang terdapat pada ayat (وَلَا تُبَذِّرْ تَبَذِّرًا) adalah al-masdar dan ia merupakan *al-maf'ul al-mutlak* daripada fungsi menguatkan atau menegaskan kata kerja sebelumnya. Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 109), kata kerja (تَبَذَّرَ) bermaksud “membazir”. Perkataan “membazir” bermaksud berlebih-lebihan sehingga terbuang dan ia juga sinonim

dengan “boros” dan “menghamburkan wang” (Kamus Dewan, 2015: 142, 204 & 506).

Daripada Jadual 2 di atas, dapat diperhatikan bahawa Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih cuba menjelaskan fungsi *al-maf'ul al-mutlak* yang terdapat dalam bahasa sumber dengan mengguna kata sendi “dengan”. Mahmud Yunus menggunakan frasa “dengan pembaziran yang besar” dan Abdullah Basmeih “dengan boros yang melampau” untuk menterjemahkan perkataan (تَبَذَّرَ) yang juga merupakan *al-maf'ul al-mutlaq* dari fungsi menguatkan makna perbuatan (تُبَذَّرُ). Manakala Zaini Dahlan pula kelihatan menggunakan kaedah deskriptif iaitu dengan menterjemahkan (وَلَا تُبَذِّرْ تَبَذِّرًا) kepada “Jangan kamu hamburkan hartamu secara boros”. Dapat diperhatikan beliau mengguna frasa “secara boros” untuk menguatkan makna perbuatan (تُبَذَّرُ).

Contoh 3:

قوله تعالى: ﴿وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الذَّلِيلِ وَكَبِيرَةٌ تَكْبِيرًا﴾ (الإسراء:

(۱۱۱)

Ayat yang mengandungi *al-maf'ul al-mutlak*: (وَكَبِيرَةٌ تَكْبِيرًا)

Jadual 3: Surah al-Isra' Ayat 111

Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Zaini Dahlan
Katakanlah: (Segala) puji bagi Allah yang tidak mempunyai anak dan tiada bagiNya sekutu dalam kerajaanNya, dan tiada bagiNya wali (penolong) kerana (mendapat) kehinaan dan besarkan Dia dengan sebesar- besarnya ".	Dan katakanlah: "Segala puji tertentu bagi Allah, yang tiada mempunyai anak, dan tiada bagiNya sekutu dalam urusan kerajaanNya, dan tiada baginya penolong disebabkan sesuatu kelemahanNya; dan hendaklah engkau membesarkan serta memuliakanNya dengan bersungguh! "	Dan katakanlah, "Segala"puji bagi Allah, Yang tidak mempunyai anak, juga tidak ada sekutu dalam kerajaanNya dan Dia tidak hina yang membutuhkan pelindung." Agungkanlah Dia dengan seagung- agungnya.

Menurut *al-Nuhhas* (1421H: 2: 287), ayat (وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًا) adalah *al-maf'ul mutlak* daripada fungsi menguatkan atau menegaskan kata kerja sebelumnya. Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 1970), kata kerja (وَكَبِّرْهُ) bermaksud “menjadikannya besar” dan ia sinonim dengan “membesarkan”, “memandang tinggi”, “memuliakan” dan “mengagungkan” (Kamus Dewan, 2015: 16 & 174).

Daripada cara terjemahan di atas, dapat diperhatikan bahawa semua penterjemah cuba menjelaskan fungsi *al-maf'ul al-mutlak* dengan mengguna kata sendi “dengan”. Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan menggabungkan penggunaan kata sendi “dengan” dengan kata ganda iaitu “dengan sebesar-besarnya” dan “dengan seagung-agungnya” untuk menguatkan kata kerja sebelumnya iaitu “besarkan” bagi TMY dan “Agungkanlah” bagi TZD. Kata ganda ialah bentuk yang dihasilkan melalui proses mengulangi kata dasar secara penggandaan penuh (Nik Safiah Karim et al.: 2015: 55 & 76). Manakala Abdullah Basmeih pula kelihatan cuba menjelaskan fungsi *al-maf'ul al-mutlak* dalam bahasa sumber dengan menggunakan kata sendi “dengan” tanpa mengulangi kata kerja sebelumnya iaitu (membesarkan) dan (memuliakanNya). Beliau menterjemahkan ayat (وَكَبِّرْهُ تَكْبِيرًا) dengan “dan hendaklah engkau membesarkan serta memuliakanNya dengan bersungguh!).

Contoh 4:

قوله تعالى: ﴿إِذَا رُجَّتِ الْأَرْضُ رَجًا﴾ (الواقعة: ٤)

Ayat yang mengandungi *al-maf'ul al-mutlak*: (keseluruhan ayat).

Jadual 4: Surah al-Waqi'ah Ayat 4

Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Zaini Dahlan
Apabila bergoncang bumi dengan sesungguhnya-goncangan,....	(Ia berlaku) semasa bumi bergoncang dengan sesungguhnya-goncangan.	Bila bumi digoncang dengan dahsyat,....

Menurut *Ibn 'Asyur* (1984: 27: 284), perkataan (رَجَّتْ) yang terdapat pada ayat (إِذَا رَجَّتْ الْأَرْضُ رَجًا) adalah al-masdar dan ia merupakan *al-maf'ul mutlak* daripada fungsi menguatkan atau menegaskan kata kerja sebelumnya iaitu (رَجَّتْ). Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 859), kata kerja (رَجَّتْ) bermaksud “menggoncang”.

Daripada Jadual 4 di atas, dapat diperhatikan bahawa ketiga-tiga penterjemah cuba menjelaskan fungsi *al-maf'ul al-mutlak* yang terdapat dalam bahasa sumber dengan mengguna kata sendi “dengan”. Mahmud Yunus dan

Abdullah Basmeih menggabungkan penggunaan kata sendi “dengan” dengan kata ganda iaitu “dengan sesungguhnya-goncangan” untuk menguatkan kata kerja sebelumnya iaitu “bergoncang”. Kata ganda ialah bentuk yang dihasilkan melalui proses mengulangi kata dasar secara penggandaan penuh (Nik Safiah Karim et al.: 2015: 55 & 76). Ini bermakna kedua-dua mereka memilih bentuk perkataan yang sama iaitu “bergoncang” dan “goncangan”. Ini berbeza sama sekali dengan Zaini Dahlan yang kelihatan lebih ekonomis kerana tidak menggunakan kata ganda dengan sekadar menterjemahkan ayat (إذا رجَّت الأرض رجاً) kepada “Bila bumi digoncang dengan dahsyat,...”.

b) *al-maf'ul al-mutlak* dengan fungsi menerangkan jenis kata kerja sebelumnya

Contoh 5:

قوله تعالى: ﴿وَقَضَيْنَا إِلَىٰ بَنِي إِسْرَءِيلَ فِي الْكِتَابِ لَتُفْسِدُنَّ فِي الْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوقًا كَبِيرًا﴾ (الإسراء: ٤)

Ayat yang mengandungi *al-maf'ul al-mutlak*:

(وَلَتَعْلُنَّ عُلُوقًا كَبِيرًا)

Jadual 5: Surah al-Isra' Ayat 4

Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Zaini Dahlan
----------------------------	--------------------------------	----------------------------

Dan telah Kami wahyukan kepada Bani Israil dalam kitab: “Sesungguhnya kamu membuat bencana dua kali di muka bumi dan berlaku sombong dengan kesombongan yang besar”.	Dan Kami menyatakan kepada Bani Israil dalam Kitab itu: “Sesungguhnya kamu akan melakukan kerosakan di bumi (Palestin) dua kali, dan sesungguhnya kamu akan berlaku sombong angkuh dengan melampau”.	Dan Kami tetapkan pada bangsa Israil melalui Taurat, kamu pasti akan berbuat kerosakan di bumi ini dua kali, dan kamu pasti akan bersikap sombong penuh keangkuhan.
--	--	---

Menurut *Darwish*, (1415H: 5: 392), perkataan (عُتُوا) adalah *al-maf’ul al-mutlak* dan (كِبْرًا) adalah sifat yang menerangkan jenis kata kerja sebelumnya iaitu (وَلْتَعْلُنَّ). Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 1608), kata kerja (وَلْتَعْلُنَّ) bermaksud “menjadi sombong dan megah”.

Daripada cara terjemahan di atas, dapat diperhatikan bahawa Mahmud Yunus dan Abdullah Basmeih cuba menjelaskan

fungsi *al-maf'ul al-mutlak* yang terdapat dalam bahasa sumber dengan menggunakan kata sendi “dengan”. Mahmud Yunus menggunakan frasa “dengan kesombongan yang besar” dan Abdullah Basmeih “dengan melampau” untuk menterjemahkan perkataan (عُلُوًّا كَبِيرًا) yang juga merupakan *al-maf'ul al-mutlak* dari fungsi menerangkan jenis kata kerja (وَلْتَعْلُنَّ). Cuma di sini penulis berpandangan bahawa pemilihan kata yang diguna oleh Abdullah Basmeih untuk menerangkan kata adjektif (كَبِيرًا) lebih sesuai dari sudut kolokasi bahasa Melayu berbanding Mahmud Yunus kerana sombong biasanya dipadankan dengan (melampau), bukannya (besar).

Manakala Zaini Dahlan pula kelihatan menggunakan kaedah deskriptif iaitu dengan menterjemahkan (وَلْتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا) kepada “...dan kamu pasti akan bersikap sombong penuh keangkuhan”. Dapat diperhatikan beliau mengguna frasa “penuh keangkuhan” untuk menerangkan jenis kata kerja (وَلْتَعْلُنَّ).

Contoh 6:

قوله تعالى: ﴿وَإِنْ مِنْ قَرْيَةٍ إِلَّا نَحْنُ مُهْلِكُوهَا قَبْلَ يَوْمِ الْقِيَمَةِ أَوْ مُعَذِّبُوهَا عَذَابًا شَدِيدًا كَانَ ذَلِكَ فِي الْكِتَابِ مَسْطُورًا﴾ (الإسراء:

Ayat yang mengandung *al-maf'ul al-mutlak*:

(مُعَذِّبُهَا عَذَابًا شَدِيدًا)

Jadual 6: Surah al-Isra' Ayat 58

Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Zaini Dahlan
Dan tiada di antara (penduduk) satu negeri, melainkan Kami membinasakannya, sebelum hari kiamat atau menyeksa dengan seksaan yang keras . Yang demikian itu telah termaktub dalam kitab.	Dan tiada sesebuah negeri pun melainkan Kami akan membinasakannya sebelum hari kiamat, atau Kami menyeksa penduduknya dengan azab seksa yang berat ; yang demikian itu adalah tertulis di dalam Kitab (Lauh Mahfuz).	Tidak ada penduduk suatu negeri yang durhaka, melainkan Kami musnahkan sebelum hari kiamat atau Kami siksa dengan siksa yang amat pedih . Hal itu sudah tertulis dalam Kitab, Loh Mahfuz.

Menurut *Darwish*, (1415H: 5: 463), perkataan (عَذَابًا) adalah *al-maf'ul al-mutlak* dan (شَدِيدًا) adalah sifat yang menerangkan jenis kata nama yang hadir sebelumnya iaitu

(معذبوها). Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 1524), kata nama (معذبوها) adalah daripada kata kerja (عَذَّبَ) yang bermaksud “menyeksa”.

Daripada cara terjemahan di atas, dapat disimpulkan bahawa ketiga-tiga penterjemah cuba menjelaskan fungsi *maf'ul mutlak* yang terdapat dalam bahasa sumber dengan mengguna kata sendi “dengan”. Mahmud Yunus menggunakan frasa “dengan seksaan yang keras”, Abdullah Basmeih menggunakan frasa “dengan azab seksa yang berat” dan Zaini Dahlan menggunakan frasa “” dengan siksa yang amat pedih” untuk menterjemahkan frasa (عذابا شديدا).

Contoh 7:

قوله تعالى: ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا..﴾

(التحریم: ۸)

Ayat yang mengandungi *al-maf'ul al-mutlak*:

(توبوا إلى الله توبة نصوحا)

Jadual 7: Surah al-Tahrim Ayat 8

Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Zaini Dahlan
----------------------------	--------------------------------	----------------------------

Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha.	Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan “Taubat Nasuha” .	Hai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kepada Allah dengan sesungguhnya .
---	--	--

Menurut *al-Nasafi* (1998: 3: 507), perkataan (توبة) yang terdapat pada ayat (توبوا إلى الله توبة نصوحا) adalah *al-masdar*. Frasa (توبة نصوحا) adalah *al-maf'ul al-mutlak* daripada fungsi menerangkan jenis kata kerja sebelumnya. Hal ini kerana perkataan (توبة) disifatkan kepada (نصوحا) (*al-Zamakhshari*, 1407H: 4: 569; Ibn Asyur, 1984: 28: 368). Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 221), kata kerja (توبوا) bermaksud “bertaubat”.

Dapat diperhatikan bahawa ketiga-tiga penterjemah cuba menjelaskan fungsi *al-maf'ul al-mutlak* yang terdapat dalam bahasa sumber dengan mengguna kata sendi “dengan”. Tetapi cara TMY dan TAB masih mengekalkan pengaruh bahasa sumber dengan mengguna frasa “taubat nasuha” kerana perkataan “nasuha” tiada dalam bahasa Melayu. Manakala, Zaini Dahlan pula menterjemahkan ayat (توبوا إلى الله توبة نصوحا) kepada “...bertaubatlah kepada Allah dengan

sesungguhnya". Ini bermakna beliau cuba menerangkan jenis kata kerja (توبوا) dalam bahasa sumber dengan menggunakan perkataan "sesungguhnya". Menurut Kamus Dewan (2015: 1544), antara maksud perkataan "sesungguhnya" adalah sebenarnya dan sebetulnya. Penulis berpandangan kaedah yang digunapakai oleh TZD lebih mudah difahami oleh pembaca sasaran berbanding TMY dan TAB kerana pemilihan leksikal "sesungguhnya" lebih hampir dengan budaya sasaran.

Contoh 8:

قوله تعالى: ﴿وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لَوْلَا نُزِّلَتْ سُورَةٌ فَإِذَا أُنزِلَتْ سُورَةٌ مُحْكَمَةٌ وَذُكِرَ فِيهَا الْقِتَالُ رَأَيْتَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ يَنْظُرُونَ إِلَيْكَ نَظَرَ الْمَغْشِيِّ عَلَيْهِ مِنَ الْمَوْتِ فَأُولَئِكَ لَهُمْ﴾ (محمد: ٢٠)

Ayat yang mengandungi *al-maf'ul al-mutlak*:

(يَنْظُرُونَ إِلَيْكَ نَظَرَ الْمَغْشِيِّ عَلَيْهِ مِنَ الْمَوْتِ)

Jadual 8: Surah Muhammad Ayat 20

Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Zaini Dahlan
----------------------------	-----------------------------------	----------------------------

Dan berkata orang-orang yang beriman: Mengapakah tidak diturunkan satu surah (menyuruh berjuang)? Maka apabila diturunkan satu surah yang ditegaskan dan disebutkan di dalamnya peperangan, kamu lihat orang-orang yang di dalam hatinya ada penyakit (ragu-ragu) memandang kepada kamu seperti pandangan orang yang	Dan (kerana gemarkan pahala berjuang menegakkan Islam), orang-orang yang beriman berkata: “Alangkah baiknya sekiranya diturunkan satu surah (dari al-Quran, yang memerintahkan kami berjuang)?” Maka apabila diturunkan satu surah (dari al-Quran) yang tegas keterangannya dan tersebut padanya hukum-hukum yang mewajibkan perang Jihad (menentang pencerobohan musuh), sudah tentu engkau akan melihat orang-	Orang-orang yang beriman berkata, “Mengapa tidak diturunkan surat (perintah berperang)”, kalau surat itu diturunkan yang jelas-jelas memerintahkan berperang, kamu (Muhammad) mendapatkan mereka yang hatinya berpenyakit akan memandang kamu seperti orang pingsan karena takut mati. Akan sangat baik kalau mereka bertobat lalu beramal shaleh.
--	---	--

takut kepada mati.	orang yang ada penyakit (kufur) dalam hatinya memandang kepadamu dengan terbeliak matanya kerana gerun takut menghadapi mati.	
--------------------	--	--

Menurut *Ibn 'Asyur* (1984: 26: 108), frasa (نظر المغشي عليه من الموت) yang terdapat pada ayat (ينظرون إليك نظر المغشي عليه من الموت) adalah *al-maf'ul mutlak* daripada fungsi menerangkan jenis kata kerja sebelumnya. Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 238), kata kerja (ينظرون) bermaksud “melihat dan memerhati”. Perkataan “melihat” adalah sinonim dengan “nampak, memandang, menengok” (Kamus Dewan, 2015: 938).

Dapat diperhatikan daripada Jadual 8 bahawa Abdullah Basmeih menggunakan kata sendi “dengan” untuk melengkapkan makna dalam kerja terjemahan *maf'ul mutlak* dari jenis fungsi menerangkan jenis perbuatan iaitu “memandang kepadamu dengan terbeliak matanya”. Manakala Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan menggunakan penjelasan secara perumpamaan iaitu “memandang kepada kamu seperti pandangan orang yang takut kepada mati” bagi TMY dan “memandang kamu seperti orang pingsan karena

takut mati” bagi TZD untuk menterjemahkan frasa (نظر المغشي (عليه من الموت).

c) *maf'ul mutlak* dengan fungsi menerangkan bilangan kata kerja sebelumnya

Contoh 9:

قوله تعالى: ﴿وَحَمَلَتِ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ فَذُكَّتَا دَكَّةً وَاحِدَةً﴾

(الحاقة : ١٤)

Ayat yang mengandung *al-maf'ul al-mutlak*:

(فدكتنا دكة واحدة)

Jadual 9: Surah al-Haaqah Ayat 14

Terjemahan Mahmud Yunus	Terjemahan Abdullah Basmeih	Terjemahan Zaini Dahlan
Dan bumi dan gunung-gunung diangkat, lalu keduanya pecah sekali pecah (hancur).	Dan bumi serta gunung-ganang diangkat (dari tempatnya) lalu dihancurkan keduanya dengan sekali hancur.	Dan bumi serta gunung-gunung diangkat lalu dihempaskan sekali banting.

Menurut *Darwish*, (1415H: 10: 194), perkataan (دكة) adalah al-maf'ul al-mutlaq dan (واحدة) adalah sifat yang berfungsi menerangkan bilangan kata kerja sebelumnya iaitu (فدكتنا). Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006: 762), kata kerja (فدكتنا) bermaksud “meruntuhkan, hancur, goncang”. Perkataan yang sinonim dengannya adalah “pecah, hempas, banting, campak, menjatuhkan, membuang” (Kamus Dewan, 2015: 526, 1155.).

Dapat diperhatikan bahawa hanya Abdullah Basmeih yang menggunakan kata sendi “dengan” untuk melengkapi makna dalam kerja terjemahan *maf'ul mutlak* dari jenis fungsi menerangkan bilangan kata kerja sebelumnya. Manakala Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan menggunakan kaedah deskriptif untuk menterjemahkan frasa (دكة واحدة) iaitu dengan menterjemahkan kepada “...lalu keduanya pecah sekali pecah (hancur)” dan “...lalu dihempaskan sekali banting”. Kaedah sebegini kelihatan lebih ringkas tanpa penggunaan kata sendi “dengan”.

Penutup

Berdasarkan sembilan (9) data yang dikaji, dapat dirumuskan bahawa para penterjemah sepakat menterjemah fungsi objek mutlak (*al-maf'ul al-mutlak*) menggunakan kata tambahan kata sendi “dengan” untuk melengkapi makna dalam kerja terjemahan *al-maf'ul al-mutlak* pada

lima (5) ayat al-Quran iaitu ayat 12, 58 dan 111 daripada surah *al-Isra'*, ayat 4 surah *al-Waaqiah* dan ayat 8 surah *al-Tahrim*. Manakala empat (4) ayat al-Quran lagi mereka tidak sepakat dalam kaedah menterjemah fungsi objek mutlak (*al-maf'ul al-mutlak*).

Antara strategi lain yang digunakan untuk menghuraikan fungsi *al-maf'ul al-mutlak* ialah kaedah deskriptif tanpa kata sendi “dengan” seperti pada ayat 4 dan 26 surah *al-Isra'* oleh Zaini Dahlan dan ayat 14 surah *al-Haaqqah* oleh Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan. Selain itu, Mahmud Yunus dan Zaini Dahlan juga menggunakan kaedah penjelasan makna melalui perumpamaan pada ayat 20 surah Muhammad untuk menghuraikan fungsi *maf'ul mutlak*. Apa yang menarik, kaedah terjemahan Abdullah Basmeih adalah konsisten dalam menterjemahkan ketiga-tiga fungsi *al-maf'ul al-mutlak* dengan penggunaan kata sendi “dengan”.

Oleh kerana *al-maf'ul al-mutlak* mempunyai fungsi linguistiknya yang tersendiri yang tidak setara dengan sintaksis bahasa Melayu, maka para penterjemah tersebut telah mengambil kira kehadiran *al-maf'ul al-mutlak* dan fungsinya dalam bahasa sumber. Dalam hal ini kita dapat memerhati sumbangan besar tokoh ilmuan Islam dalam bidang pengajian terjemahan.

Kesimpulannya, tiada satu kaedah khusus dalam menterjemahkan *al-maf'ul al-mutlak* ke bahasa Melayu ekoran perbezaan struktur sintaksis antara kedua-dua bahasa tersebut. Sesuatu kaedah yang digunakan oleh penterjemah adalah berdasarkan kemahiran dan kebolehan penterjemah

itu sendiri dalam memberi huraian kepada maksus dan fungsi *al-ma'ful al-mutlak*. Namun, penulis berpandangan bahawa penggunaan gaya bahasa yang lebih ekonomi menjadi salah satu faktor kepada tahap kebolehbacaan teks sasaran yang tinggi, dan ini secara tidak langsung boleh meningkatkan tahap penerimaan teks sasaran di kalangan pembaca sasaran. Kedua-dua keadaan ini adalah sangat signifikan dalam memastikan kelangsungan teks terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu menghadapi cabaran zaman.

Rujukan

- Ab. Halim Mohamad, Wan Muhammad Wan Sulong dan Muhd Zulkifli Ismail. (2012). *Kesalahan Penterjemahan Struktur Ayat Arab Ke dalam Bahasa Melayu : Satu Kajian Kes*. dalam Prosiding Nadwah Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Ketiga. Anjuran Unit Bahasa Arab, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Abd Rauf Hassan Azhari. (2004). *Sejarah dan Asal-usul Bahasa Arab: Satu Kajian Linguistik Sejarah*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum*, 12(2): 135-141.
- Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. cet. 12.
- Ahmad Sunawari Long. (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Akmal Khuzairy Abd Rahman. (2016). *Perbezaan Status Terjemahan al-Quran Berbanding Dengan Teks Asalnya Dari Perspektif Pengkajian Terjemahan Moden*. Jurnal Penterjemah. Bil. 19. Isu 2. 19-39.
- Al-Alusi, Syihab al-din Mahmud ibn Abdullah al-Husaini. (1415H). *Ruh al-Ma'ani fi tafsir al-Quran al-Azim*. Penyunting: Ali Abd al-Bari Atiyyah. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Cetakan Pertama.
- Al-Jundi, Anwar. (1982). *Al-Fusha Lughah al-Quran*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani & Maktabah al-Madrasah.
- Al-Kawari, K. (2008). *Al-Wasit fi al-Nahw*. Beirut: Dar Ibn Hazm. Cetakan Pertama.
- Al-Nasafiy, Abu al-Barakat Abdullah ibn Ahmad ibn Mahmud. (1998). *Tafsir al-Nasafiy*. Penyunting: Yusuf Ali Badiwi. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib. Cetakan Pertama.
- Al-Nuhhas, Abu Jaafar Ahmad ibn Muhamad ibn Ismail. (1421H). *I'rab al-Quran*. Penyunting: Abd al-Mun'im Khalil Ibrahim. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Cetakan Pertama.
- Al-Quran al-Karim Resam Uthmani Bahasa Melayu* (Cetakan ke-4). (2014). Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan* (Cetakan ke-6). (2011). Shah Alam: Yayasan Restu.
- Al-Raajihi, Abduh. (1988). *Al-Tatbiq al-Nahwi*. Beirut: Dar al-Nahdhah al-Arabiah.
- Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud ibn Amru ibn Ahmad. (1407H). *Al-Kashshaf*. Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi. Cetakan Ketiga.

- Anon. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bambang Muhamad Rafadi Yusoff dan Saini Ag Damit. (2014). *Analisis al-Maf'ul al-Mutlaq dalam Surah-surah al-Mufassal: Satu Kajian Kemukjizatan Linguistik al-Quran*. *Procedia – Social and Behavioral Sciences* 134 (2014). 283-290.
- Catford, John C. (1965). *A Linguistic Theory of Translation: an Essay on Applied Linguistic*. London: Oxford University Press.
- Che Radiah Mezah, (2001). *Bahasa Arab dan Ciri-ciri Keistimewaanannya*. Dalam Monograf Bahasa Arab. Bil. 1 Mei 2010. Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Darwish, Muhyidin ibn Ahmad Mustafa. (1415H). *I'rab al-Quran wa bayanuhu*. Himsh Syria: Dar al-Irsyad li al-Syuun al-Jamiiyyah. Beirut: Dar al-Yamamah. Cetakan Keempat.
- Ibnu Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Makram. (1994). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Lubna Abd. Rahman dan Nasimah Abdullah. (2019). *Pendekatan Semantik Dalam Terjemahan Isti'arah Qurani Kepada Bahasa Melayu*. *Jurnal Penterjemah*, Edisi Khas Sempena Ulang Tahun ke-40 (Disember 2019).
- Maghaalasah, Mahmud Husaini, (1991). *al-Nahwu al-Syaafi*. Cetakan 1. Aman, Jordan: Dar al-Basyir.

- Mahmud Yunus. (2008). *Tafsir Al-Quran Nul Karim*. Klang Book Centre.
- Muhammad Wali, Fadhil Fathi. (1994). *Al-Nahwu al-Waziifi*. Cetakan 1. Saudi Arabia: Dar al-Andalus.
- Muhammad Ahmad Khudhayr. (2003). *Qadhaya al-Maf'ul bih 'Inda al-Nahw al-'Arabi*. Kaherah: Maktabah al-Anjlo al-Misriyyah.
- Nasimah Abdullah. (2017). *Asbab al-Dha'fi fi mada Maqruiyyah al-Nusus al-Qur'aniyyah al-Mutarjamah ila al-Lughah al-Malayuwiyyah*. Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues. Volume 2. Number 1. June.
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd Rahman dan Abur Hamdi Usman. (2019). *Terjemahan Ayat Mutashabihat: Analisis Fungsi Prosedur Eksplisitasi*. AL-IRSYAD: Journal of Islamic and Contemporary Issues. Vol. 4. No. 2. December 2019. 154-170.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan 1.
- Nur Hafizah Ahmad Tajuddin, Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub dan Azman Che Mat. (2012). *Sorotan Awal Terjemahan Pola Mansubat Arab Dalam Bahasa Melayu* dalam Prosiding Nadwah Bahasa Dan Kesusasteraan Arab Ketiga. Anjuran Unit Bahasa Arab, Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu*. (2017). Selangor: al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.

- Yaakob, Imiil Badi'. (1994). *Mausu'ah al-Nahwi wa al-Sarfi wa al-'Irabi*. Cetakan 3. Beirut: Dar al-'Ilmi lil Malaayiin
- Zaini Dahlan. (1999). *Qur'an Karim dan terjemahan artinya*. Yogyakarta: UII Press.

